

TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. Peraduan **“Beli & Menang” (“Peraduan”)** dianjurkan oleh Lotuss Stores (Malaysia) Sdn Bhd (No. Syarikat: 200001018812 (521419-K)) (**“Penganjur”**) dengan kerjasama Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D)) (**“PayNet”**).

2. Peraduan ini terbuka kepada individu yang memenuhi kriteria berikut:

(a) membeli-belah di mana-mana cawangan Lotus’s (secara fizikal) dan/atau Lotus’s Shop Online (<https://www.lotuss.com.my/en> atau melalui aplikasi mudah alih Lotus’s Malaysia);

(b) berumur 18 tahun ke atas, merupakan penduduk tetap di Malaysia atau warganegara Malaysia dengan dokumen pengenalan diri yang sah serta mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia sepanjang Tempoh Peraduan (**“Peserta”**); dan

3. Individu berikut tidak layak untuk memenangi Hadiah Utama Bulanan A dan Hadiah Utama Bulanan B:

- Pekerja Penganjur dan PayNet (termasuk syarikat sekutu, anak syarikat atau syarikat berkaitan) serta ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk pasangan); dan/atau
- Wakil, pekerja dan/atau agensi pengiklanan atau promosi Penganjur dan PayNet (termasuk syarikat sekutu dan syarikat berkaitan), serta ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, adik-beradik, pasangan).
- Peserta yang telah memenangi hadiah daripada mana-mana peraduan atau kempen yang dianjurkan oleh Lotus’s dalam tempoh ENAM (6) bulan sebelum Tempoh Peraduan ini adalah tidak layak untuk memenangi mana-mana Hadiah Bulanan dalam Peraduan ini.

Tempoh Peraduan & Kriteria Penyertaan

1. Peraduan ini akan bermula dari **31 Julai 2025 hingga 24 September 2025 pada jam 11:59 malam** (Waktu Malaysia) (**“Tempoh Peraduan”**) dan dibahagikan kepada tempoh Mingguan dan Bulanan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini. Sebarang penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan akan ditolak dan dianggap tidak sah.

2. Pembelian minimum sebanyak RM100 dan ke atas di mana-mana cawangan Lotus’s (secara fizikal) dan/atau Lotus’s Shop Online (<https://www.lotuss.com.my/en>) dalam satu resit/transaksi, dalam Tempoh Mingguan dan Tempoh Bulanan yang ditetapkan, akan melayakkan peserta untuk maksimum 1 (SATU) penyertaan bagi setiap resit pembelian (**“Bukti Pembelian”**).

3. Peserta boleh menghantar lebih daripada SATU (1) penyertaan sepanjang Tempoh Peraduan, namun setiap Peserta dihadkan kepada maksimum TIGA (3) penyertaan sahaja setiap hari sepanjang Tempoh Peraduan. Setiap resit hanya boleh digunakan SEKALI sahaja. Semua penyertaan Peserta akan dibatalkan sekiranya resit yang sama digunakan untuk lebih daripada SATU (1) penyertaan.

4. Penyertaan yang diterima selepas setiap Tempoh Mingguan dan Bulanan yang ditetapkan akan dianggap tidak sah dan akan dibatalkan. Sebagai contoh, resit pembelian bertarikh 9 Ogos 2025 (bagi Minggu 2 – Peraduan Mingguan) mesti dihantar pada atau sebelum 13 Ogos 2025. Resit tersebut tidak lagi sah untuk dihantar pada minggu berikutnya. Kriteria penghantaran ini turut terpakai untuk Tempoh Peraduan Bulanan. Sila rujuk Tempoh Peraduan di bawah untuk penghantaran anda:

- **Tempoh Peraduan Mingguan – 8 Minggu (“Tempoh Mingguan”)**
 - Minggu 1: 31 Julai - 06 Ogos 2025
 - Minggu 2: 07 Ogos - 13 Ogos 2025
 - Minggu 3: 14 Ogos - 20 Ogos 2025
 - Minggu 4: 21 Ogos - 27 Ogos 2025
 - Minggu 5: 28 Ogos - 03 September 2025
 - Minggu 6: 04 September - 10 September 2025
 - Minggu 7: 11 September - 17 September 2025
 - Minggu 8: 18 September - 24 September 2025
- **Tempoh Peraduan Bulanan (“Tempoh Bulanan”)**
 - Bulan 1: 31 Julai – 27 Ogos 2025
 - Bulan 2: 28 Ogos – 24 September 2025

5. Penganjur berhak untuk mengubah dan/atau melanjutkan tempoh Tempoh Mingguan atau Tempoh Bulanan atau Tempoh Peraduan serta menghentikan Peraduan ini.


6. Bukti Pembelian / Resit mestilah dihantar melalui kaedah yang dinyatakan di bawah (Cara Penyertaan).

Cara Penyertaan

7. Peserta boleh menghantar penyertaan mereka melalui aplikasi Lotus's Malaysia ("**Mekanisme Peraduan**").

Langkah Penyertaan:

- Lakukan pembelian minimum sebanyak RM100 dan ke atas di mana-mana cawangan Lotus's (secara fizikal) dan/atau melalui Lotus's Shop Online (<https://www.lotuss.com.my/en>) dalam satu resit/transaksi.
- Daftar sebagai ahli My Lotus's di <https://www.lotuss.com.my/en/mylotuss> untuk melayakkan diri menyertai peraduan ini. Kemudian, hantar penyertaan anda melalui widget "Beli & Menang" dan berpeluang memenangi hadiah mingguan dan/atau hadiah bulanan.
- Untuk penyertaan dianggap sah, peserta mesti melengkapkan borang yang disediakan dengan maklumat berikut:
 - Nombor resit pembelian;
 - Jumlah / amaun pembelian;
 - Alamat emel yang sah;
 - Isikan kaedah / cara anda membuat pembayaran (contohnya MyDebit / DuitNow atau kaedah lain); dan
 - Jawapan lengkap kepada soalan peraduan.
- Penyertaan yang tidak lengkap, tidak jelas atau tidak mengandungi jawapan peraduan yang lengkap akan dianggap tidak sah dan akan dibatalkan.
- Contoh Resit & Lokasi Nombor Resit (lampiran grafik resit di bawah untuk rujukan peserta):



- Peserta boleh **melipatgandakan peluang kemenangan sebanyak tiga (3) kali ganda** sekiranya pembayaran dibuat menggunakan kad MyDebit atau DuitNow QR di kaunter juruwang Lotus's (di kaunter pembayaran biasa sahaja) sepanjang Tempoh Peraduan.

- Nota Penting: DuitNow tidak diterima di kaunter layan diri (self-checkout) Lotus's. Oleh itu, hanya resit yang menunjukkan DuitNow sebagai kaedah pembayaran di kaunter biasa akan layak untuk bonus tiga kali penyertaan.
- **Resit yang tidak memaparkan “DuitNow” sebagai kaedah pembayaran tidak layak untuk penyertaan berganda ini.**
- Contoh Resit MyDebit / DuitNow ((lampiran grafik resit di bawah untuk rujukan peserta):



8. Peserta juga dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah (Kad Pengenalan Malaysia) semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan Pemenang.

9. Proses Pemilihan Pemenang

- **Pemilihan Pemenang Hadiah Mingguan:** Pada akhir setiap Tempoh Mingguan, peserta yang layak akan disenarai pendek oleh sistem pemilihan berkomputer automatik berdasarkan bilangan penyertaan sah yang layak untuk Tempoh Mingguan tersebut.
- **Pemilihan Pemenang Hadiah Bulanan:** Pada akhir keseluruhan Tempoh Peraduan Bulanan, peserta yang layak akan disenarai pendek oleh sistem pemilihan berkomputer automatik berdasarkan bilangan penyertaan sah yang diterima sepanjang Tempoh Bulanan.
- Setiap pemenang hanya layak memenangi SATU (1) Hadiah Mingguan dan/atau SATU (1) Hadiah Bulanan (untuk keseluruhan Tempoh Peraduan).
- Setelah tamat setiap Tempoh Peraduan, sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan dalam tempoh tiga (3) hari berturut-turut (waktu bekerja, Isnin hingga Jumaat), Penganjur berhak membatalkan kelayakan pemenang dan memilih peserta lain yang layak sebagai pengganti mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

Hadiah Peraduan & Penebusan

Hadiah Peraduan: Cabutan Mingguan

Tempoh Mingguan	Hadiah Mingguan	Jumlah Pemenang
Minggu 1: 31 Jul – 06 Ogos 2025	5 hari ZUSs Tea Percuma (bernilai RM56) & eVoucher Lotus's RM68 (sah untuk 1 bulan)	45
Minggu 2: 07 Ogos – 13 Ogos 2025	5 hari ZUSs Tea Percuma (bernilai RM56) & eVoucher Lotus's RM68 (sah untuk 1 bulan)	45
Minggu 3: 14 Ogos – 20 Ogos 2025	5 hari ZUSs Tea Percuma (bernilai RM56) & eVoucher Lotus's RM68 (sah untuk 1 bulan)	45
Minggu 4: 21 Ogos – 27 Ogos 2025	5 hari ZUSs Tea Percuma (bernilai RM56) & eVoucher Lotus's RM68 (sah untuk 1 bulan)	45

Minggu 5: 28 Ogos – 03 September 2025	5 hari ZUSus Tea Percuma (bernilai RM56) & eVoucher Lotus's RM68 (sah untuk 1 bulan)	45
Minggu 6: 04 Sep – 10 September 2025	5 hari ZUSus Tea Percuma (bernilai RM56) & eVoucher Lotus's RM68 (sah untuk 1 bulan)	45
Minggu 7: 11 Sep – 17 September 2025	5 hari ZUSus Tea Percuma (bernilai RM56) & eVoucher Lotus's RM68 (sah untuk 1 bulan)	45
Minggu 8: 18 Sep – 24 September 2025	5 hari ZUSus Tea Percuma (bernilai RM56) & eVoucher Lotus's RM68 (sah untuk 1 bulan)	45

Hadiah Peraduan: Cabutan Utama Bulanan / Cabutan Bulanan

Jenis Hadiah / Tempoh	Hadiah Bulanan / Utama	Jumlah Pemenang
Hadiah Utama Bulanan A (Bulan 1: 31 Jul – 27 Ogos 2025)	Bekalan Barangan Dapur Selama 1 Tahun bernilai RM6,000 (eVoucher Lotus's RM500 x 12 bulan – sah selama 2 bulan setiap satu)	8
Hadiah Utama Bulanan B (Bulan 2: 28 Ogos – 24 Sep 2025)	Bekalan Barangan Dapur Selama 1 Tahun bernilai RM6,000 (eVoucher Lotus's RM500 x 12 bulan – sah selama 2 bulan setiap satu)	8
Hadiah Bulanan A (Bulan 1)	Barangan Pensonic - Siri Batik bernilai RM300 (Blender + Juicer)	12
Hadiah Bulanan B (Bulan 2)	Barangan Pensonic - Siri Batik bernilai RM300 (Blender + Juicer)	12

- Sebanyak 400 hadiah diperuntukkan untuk Peraduan ini.
- Hadiah Utama Bulanan A/B: eVoucher Lotus's RM500 akan dikreditkan ke dalam akaun aplikasi Lotus's Malaysia anda setiap bulan untuk tempoh 12 bulan.
- Hadiah Bulanan A/B: Barangan Pensonic – Siri Batik akan dihantar ke alamat anda melalui kurier. Pihak kami akan menghantar e-mel berkaitan perkara ini.
- Hadiah Mingguan: 5 hari ~~ZUSus~~ Tea Percuma akan dihantar ke aplikasi mudah alih ~~ZUSus~~ anda. Anda perlu bersetuju untuk berkongsi data anda dengan ~~ZUSus~~ bagi melengkapkan proses ini. eVoucher Lotus's RM68 akan dikreditkan ke dalam aplikasi Lotus's Malaysia anda.
- Gambar hadiah peraduan yang dipaparkan dalam bahan promosi, pengiklanan dan publisiti adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada hadiah sebenar.

Terma Penebusan, Komunikasi & Tanggungjawab

1. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkenaan). Sejauh yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, PayNet dan ejen mereka tidak bertanggungjawab atas sebarang liabiliti, kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan, perubahan maklumat hadiah atau sebarang keadaan luar jangka yang di luar kawalan munasabah Penganjur dan/atau PayNet serta sebarang tindakan atau keingkaran oleh vendor atau pembekal pihak ketiga.
2. Penganjur dan PayNet tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa proses penebusan hadiah.
3. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh dan mengubah tempat/venue penebusan hadiah yang telah ditetapkan kepada tarikh atau tempat lain sekiranya berlaku sebarang keadaan luar jangka.
4. Segala kos pengangkutan berkaitan dengan penebusan dan/atau penghantaran hadiah tidak akan ditanggung oleh Penganjur dan PayNet. Sebarang kos tambahan, cukai, caj perkhidmatan, fi atau caj lain yang dikenakan semasa proses penebusan hadiah adalah tanggungjawab penuh Pemenang.
5. Penebusan hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan hadiah. Penganjur akan memaklumkan kepada pemenang dari semasa ke semasa.
6. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berkenaan Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan pemenang dan pemberian hadiah peraduan adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyerut, rayuan, bantahan atau pertanyaan daripada Peserta tidak akan dilayan.

Komunikasi Pemenang

7. Pemenang akan dihubungi oleh Penganjur melalui alamat emel SH_MY-Partnership@lotuss.com berdasarkan maklumat emel yang dihantar semasa proses penyertaan. Oleh itu, Peserta dinasihatkan untuk mengemaskini alamat emel yang sah dan terkini semasa menghantar penyertaan.

8. Semua pemenang yang disenarai pendek akan dihubungi secara eksklusif melalui emel dan notifikasi dalam aplikasi Lotus's Malaysia serta akaun rasmi WhatsApp Lotus's Malaysia. Tiada kaedah komunikasi lain (seperti SMS atau panggilan telefon) akan digunakan oleh Penganjur untuk Kempen ini.

9. Peserta bertanggungjawab memastikan alamat emel yang digunakan adalah sah, aktif dan boleh diakses. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan untuk menerima komunikasi disebabkan alamat emel yang tidak sah, tidak tepat atau tidak aktif. Kegagalan untuk membalas emel dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan peserta hilang kelayakan dan hadiah akan dilucutkan.

10. Peserta dinasihatkan untuk sentiasa menyemak peti masuk emel yang telah didaftarkan sepanjang Tempoh Kempen bagi sebarang kemas kini atau makluman pemenang. Adalah menjadi tanggungjawab Peserta untuk memastikan bahawa alamat emel yang diberikan semasa penyertaan adalah sah, aktif dan boleh diakses, kerana semua komunikasi rasmi berkaitan Peraduan ini (termasuk makluman pemenang) akan dijalankan secara eksklusif melalui emel dan notifikasi dalam aplikasi Lotus's Malaysia serta akaun rasmi WhatsApp Lotus's Malaysia.

11. Pemenang mesti menuntut hadiah mereka pada tarikh yang telah ditetapkan oleh Penganjur. Sekiranya pemenang (bagi Hadiah Mingguan / Bulanan) gagal menuntut hadiah mereka atau melantik wakil dalam tempoh yang ditetapkan, Penganjur berhak untuk melucutkan hadiah dan memilih pemenang lain. Pemenang perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah untuk menebus/menerima hadiah mereka.

12. Sekiranya pemenang ingin melantik wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka, wakil tersebut perlu mengemukakan: Surat kebenaran wakil yang dikeluarkan oleh pemenang, salinan kad pengenalan sah pemenang, dan kad pengenalan wakil yang sah.

Hak Penganjur

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menerbitkan dan menggunakan nama serta imej yang dihantar oleh Peserta/Pemenang (jika ada) untuk tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan/atau sebarang tujuan lain dalam apa-apa medium tanpa sebarang notis awal atau bayaran pampasan kepada Peserta/Pemenang. Peserta/Pemenang tidak berhak untuk menuntut hak milik atau sebarang bentuk pampasan ke atas bahan-bahan tersebut.

2. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama mengikut budi bicara mutlak. Sejauh yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, agensi-agensinya, sekutunya, penaja dan wakil mereka tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecacatan atau penyalahgunaan hadiah, atau terhadap sebarang tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan berkaitan dengan Peraduan ini.

3. Jika atas apa-apa sebab sekalipun Peraduan ini tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang (termasuk tetapi tidak terhad kepada virus komputer, penggodaman, campur tangan tidak sah, penipuan, kegagalan teknikal, perintah kerajaan termasuk perintah kawalan pergerakan, atau apa-apa sebab luar jangka), Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan, mengubah atau menggantung Peraduan ini mengikut budi bicara mutlak.

4. Penganjur juga berhak untuk menyingkirkan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki melakukan penipuan, penggodaman, manipulasi terhadap proses penyertaan atau pelaksanaan Peraduan ini atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat.

5. Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa.

6. Selain Terma dan Syarat ini, sebarang perintah atau peraturan tambahan yang dinyatakan di laman web <https://corp.lotuss.com.my/campaigns/Lesgo-Lokal-dengan-Lotuss> atau di tempat lain akan turut mengikat semua Peserta.

7. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan mana-mana bahan promosi, Terma dan Syarat di laman web [INSERT URL] akan diguna pakai. Sekiranya berlaku percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

8. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta bagi tujuan pelaksanaan Peraduan.

9. Kecuali dinyatakan sebaliknya, segala kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Peserta berkaitan Peraduan ini adalah tanggungjawab sepenuhnya Peserta. Sejauh yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap kos-kos tersebut.

10. Penganjur dan PayNet serta sekutu dan/atau pihak ketiga yang diberi kuasa tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang penyertaan yang hilang, rosak, atau tertangguh akibat ralat teknikal atau IT.

Liabiliti dan Tanggungjawab

1. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kemalangan, kecederaan, tuntutan atau kejadian tidak dijangka (termasuk kematian) yang berlaku akibat penyertaan mereka dalam Peraduan dan/atau penebusan atau penggunaan Hadiah, dan bersetuju untuk melepaskan Penganjur dan PayNet daripada sebarang tuntutan.

2. Sejauh yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, PayNet atau mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk agensi pihak ketiga) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian langsung atau tidak langsung (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan, reputasi atau kerugian khas) berkaitan dengan Peraduan ini walaupun telah dimaklumkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut.

3. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur dan bersetuju tanpa syarat dengan semua Terma & Syarat Peraduan ini.

4. Penganjur ingin menasihatkan semua Peserta agar berwaspada terhadap panggilan atau mesej mencurigakan yang meminta maklumat peribadi. Peserta digalakkan untuk menghubungi Penganjur untuk sebarang pengesahan. Pemenang hanya akan dihubungi melalui emel rasmi: SH_MY-Partnership@lotuss.com

Notis Privasi

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran dan membenarkan bank masing-masing untuk mendedahkan kepada Penganjur, serta membenarkan Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan dan memproses nama, nombor pengenalan 'masked' (IC), dan butiran peribadi mandatori lain ("**Data Peribadi**") bagi tujuan penganjuran dan/atau pelaksanaan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau gambar Peserta di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti..

2. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta juga bersetuju bahawa Penganjur boleh melantik pihak ketiga, termasuk institusi kewangan MyDebit, untuk memproses data peribadi tersebut. Pihak ketiga ini terikat secara kontrak untuk tidak menggunakan data tersebut bagi tujuan lain selain yang dinyatakan.

3. Hak Peserta di bawah Undang-Undang Malaysia termasuk:

- a. Hak untuk menarik balik persetujuan pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur melalui maklumat yang dinyatakan;
- b. Hak untuk mendapatkan salinan data peribadi yang disimpan oleh Penganjur; dan
- c. Hak untuk membetulkan sebarang data peribadi yang tidak tepat.

4. Peserta boleh merujuk kepada Terma dan Syarat di laman kempen: <https://corp.lotuss.com.my/campaigns/Lesgo-Lokal-dengan-Lotuss>. Untuk sebarang pertanyaan mengenai perlindungan data atau hak undang-undang, hubungi talian khidmat pelanggan Penganjur di 1300 13 1313 (Isnin – Jumaat, 9 pagi – 6 petang) atau emel ke lotusshelpline@lotuss.com.my.

5. Penganjur akan mengambil langkah keselamatan yang munasabah untuk melindungi data peribadi peserta dan memastikan pihak ketiga yang dilantik juga mematuhi perkara ini. Walau bagaimanapun, data peribadi mungkin didedahkan jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sapina atau perintah mahkamah.

6. Sebarang isu berkaitan data peribadi ini akan ditadbir dan ditangani mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]